

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 2

### Sasar 30 ekonomi terbesar

# Sasar 30 ekonomi terbesar

PM lancar Ekonomi Madani tingkat kualiti hidup rakyat

KUALA LUMPUR

M alaysia menyasar meningkatkan ekonominya menjadi antara 30 ekonomi terbesar di dunia dalam tempoh 10 tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tumpuan utama adalah untuk menstruktur semula ekonomi bagi menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia.

"Jika kita hanya berpuas hati dengan keadaan sekarang, ekonomi akan terus mencatat pertumbuhan antara 4 hingga 5 peratus.

"Namun, jika kita berusaha gigih dan melaksana pembaharuan, kita mampu mencapai 5.5 peratus, malah saya percaya tidak mustahil kita menghasilkan pertumbuhan 6 peratus," katanya semasa berucap melancarkan kerangka Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat di sini pada Khamis.

Hadir sama pada majlis itu ialah anggota Jemaah Menteri, agensi kerajaan, pakar ekonomi dan tokoh industri.

Malaysia berada pada kedudukan ke-37 ekonomi terbesar dunia dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengikut data Bank Dunia 2022.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, negara perlu membentuk



Anwar (tengah) bersama Jemaah Menteri pada majlis peluncuran Ekonomi Madani di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kuala Lumpur pada Khamis.



integrasi ekonomi yang lebih besar dengan negara jiran ketika dunia sedang berdepan dengan rantaian bekalan.

"Kita perlu melahirkan lebih banyak syarikat tempatan yang berdaya saing tinggi untuk menembusi pasaran ASEAN," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, Ekonomi Madani yang bertujuan mengangkat semula ekonomi Malaysia akan membawa limpahan hasil bagi membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti.

Kata Anwar, Ekonomi Madani adalah satu rencana menyeluruh bagi Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dan isu berkaitan daya saing dan tarikan negara sebagai destinasi pelaburan. Ia juga tambahnya, menggariskan tindakan bagi menangani isu-isu semasa yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat.

"Ia perlu mengangkat semula

martabat negara dengan dua tumpuan utama iaitu menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia, dan akhirnya memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti," kata beliau.

Selain meletakkan Malaysia sebagai antara 30 ekonomi terbesar dunia, Ekonomi Madani juga menetapkan enam penanda aras lain yang mahu dicapai dalam tempoh 10 tahun.

Ia termasuk menyasarkan tangga ke-12 dalam Indeks Daya Saing Global, pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah KDNK, kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh mencapai 60 peratus, Indeks Pembangunan Manusia berada di tangga 25 teratas dunia, Indeks Persepsi Rasuah di tangga 25 teratas dunia dan kemampuan fiskal dengan defisit fiskal mencapai 3 peratus atau lebih rendah.

### 30 EKONOMI TERBESAR DUNIA 2022

1. Amerika Syarikat	RM112.128 trillion
2. China	RM82.630 trillion
3. Jepun	RM19.463 trillion
4. Jerman	RM18.732 trillion
5. India	RM15.571 trillion
6. United Kingdom	RM14.125 trillion
7. Perancis	RM12.801 trillion
8. Rusia	RM10.305 trillion
9. Kanada	RM9.843 trillion
10. Itali	RM9.247 trillion
11. Brazil	RM8.832 trillion
12. Australia	RM8.706 trillion
13. Korea Selatan	RM7.660 trillion
14. Mexico	RM6.505 trillion
15. Sepanyol	RM6.428 trillion
16. Indonesia	RM6.067 trillion
17. Arab Saudi	RM5.097 trillion
18. Belanda	RM4.559 trillion
19. Turkiye	RM4.167 trillion
20. Switzerland	RM3.715 trillion
21. Poland	RM3.165 trillion
22. Argentina	RM2.910 trillion
23. Sweden	RM2.695 trillion
24. Norway	RM2.664 trillion
25. Belgium	RM2.661 trillion
26. Cuba	RM2.508 trillion
27. Ireland	RM2.434 trillion
28. Israel	RM2.401 trillion
29. Emiriyah Arab Bersatu	RM2.334 trillion
30. Thailand	RM2.278 trillion
31. MALAYSIA	RM1.869 trillion

Sumber: Bank Dunia berdasarkan KDNK negara